









# 100 pelajar komunikasi tamatkan pengajian

MENANTIKAN detik konvokesyen merupakan saat paling ditunggu-tunggu oleh para graduan yang telah melengkapkan kesemua semester dengan cemerlangnya.

Begitu juga reaksi graduan dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis) apabila mereka telah bergraduasi pada Majlis Konvokesyen Ke-17 yang berlangsung di Pusat Konvokesyen Kuis (PKK), Bangi, baru-baru ini.

Seramai 1,610 orang daripada empat fakulti iaitu Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM), Akademi Islam (AI), Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM) dan Fakulti Pendidikan layak menerima ijazah dan diploma masing-masing.

Perasaan syukur serta bangga turut dikongsi oleh 100 pelajar Diploma Komunikasi dan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Penyiaran) (Kepujian), Jabatan Komunikasi, FPM.

...ka merupakan antara mencatatkan rekod mendapat peluang pekerjaan paling pantas sebaik sahaja menamatkan pengajian seawal tahun lalu.

Antara profesien tersebut adalah Wartawan, Pegawai Perhubungan Awam dan Pegawai Pemasaran. Selain itu, ada juga yang memulakan kerjaya sebagai 'freelancer' dalam pelbagai bidang.

Lebih membanggakan apabila konvokesyen kali ini turut menyaksikan seorang graduan orang kurang upaya (OKU), Muhammad Nur Firdaus Toh Abdullah, 27, yang mengalami kecacatan anggota merupakan pelajar yang lahir dari jurusan tersebut.

Pelajar Diploma Komunikasi, Salahuddin Saiyadi@Abdul Majid, 28, memberitahu, beliau menghadiahkan kejayaan ini buat kedua-dua orang tuanya selain barisan pensyarah.

"Mulanya, saya ingin menghadiahkan skrol ini kepada ibu dan bapa sebagai tanda terima kasih tidak terhingga kepada mereka yang selalu memberi nasihat dan ...

"Kedua, saya juga menyampaikan jutaan terima kasih mewakili kira-kira 40 orang rakan sekelas kepada barisan pensyarah yang hebat dan amat membanggakan kami," katanya.

Jamal Hikmi Muhammad Nazari, 22, pula berkata, dia berasa amat bertuah kerana mendapat rakan-rakan sekelas yang amat menyokong antara satu sama lain sepanjang tiga tahun pengajian.

"Pujian pastinya kepada kedua ibu bapa, ahli keluarga dan pensyarah. Namun, amat bertuah kerana memiliki rakan-rakan sekelas yang sanggup susah dan senang bersama demi memastikan tidak seorang pun yang keciciran. Ia sukar untuk diulangi di tempat lain," ujarnya.

Sementara itu, Rektor Kuis, Prof. Madya Datuk Dr. Ab Halim Tamuri dalam ucapannya memberitahu, usaha menjadikan Kuis sebagai sebuah Universiti Wakaf pertama di Malaysia menjelang tahun 2015 sedang giat dijalankan. – DHIYA'ZULHILMI DAUD/ FAUZI BAHARUDDIN